

05 MAY 1997

Zahid-undi

PEMUDA UMNO DIARAH JADIKAN KAWASAN PETI UNDI ANAK ANGKAT

Kuala Lumpur, 5 Mei (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO akan menjadikan peti-peti undi di kawasan pilihan raya kecil di Selangor, Perak dan Negeri Sembilan sebagai anak angkat.

Ketua berkenaan, Datuk Ahmad Zahid Hamidi hari ini berkata cara ini dapat merapatkan hubungan anggota pergerakan dengan pengundi kawasan-kawasan pilihan raya kecil itu.

Pilihan raya kecil terbabit ialah parlimen Teluk Intan (Perak) dan Kuala Selangor (Selangor) serta kawasan Dewan Undangan Negeri Repah (Negeri Sembilan) dan Permatang (Selangor), katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Khas pergerakan bagi menyambut Hari Ulangtahun ke-51 Umno Ahad ini.

Beliau juga mencadangkan supaya ketua-ketua pemuda serta anggota pergerakan supaya tinggal di kawasan-kawasan terbabit sepanjang tempoh pilihan raya kecil itu bagi menyelaras segala aktiviti.

"Mengambil anak angkat sesuatu peti undi pada masa lepas membuktikan kejayaan kepada parti," kata Zahid dan menambah kata pergerakan pemuda Umno sudahpun bersiap sedia untuk sama-sama membantu Badan Perhubungan Umno negeri-negeri terbabit untuk menghadapi pilihan raya kecil berkenaan.

Mengenai sambutan Ulangtahun Umno, katanya, presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucaptamanya pada forum perdana anjuran pergerakan yang bertajuk "Pengkisahan Sejarah UMNO".

Katanya, antara 800 dan 1,000 peserta dijangka menyertainya termasuk anggota Majlis Tertinggi, exco pergerakan Wanita, ketua-ketua bahagian dan ketua-ketua pemuda negeri dan bahagian.

Beliau berkata forum ini bertujuan membincangkan halatuju Umno 10 tahun ke hadapan dalam mengharungi alaf baru dan satu pendekatan baru Umno akan diputuskan pada forum itu nanti.

Beliau berkata mesyuarat juga turut membincangkan mengenai konvensyen Pergerakan Pemuda Barisan Nasional di Miri, 6 Julai depan.

Zahid, yang juga ketua pemuda BN, berkata konvensyen itu bertajuk "Pembentukan Masyarakat Meritokrasi" yang bermatlamat untuk mewujudkan satu bentuk bangsa Malaysia.

-- BERNAMA

AMHD AHH